

APLIKASI SYARAT-SYARAT QIRAAAT MUTAWATIRAH SEBAGAI KAEDEAH PENENTU KESAHAN DATA PENYELIDIKAN BERKAITAN ISLAM

[APPLICATION OF THE REQUIREMENTS IN QIRAAAT MUTAWATIRAH AS A METHOD IN DETERMINING THE VALIDITY OF DATA IN ISLAMIC-BASED RESEARCH METHODOLOGY]

NUR SAKIINAH AB AZIZ¹

MOHAMED FATHY MOHAMED ABDELGELIL¹

A'TARAHIM MOHD RAZALI¹

HUSSEIN ALI ABDULLAH AL-THULAIA¹

KASIMAH KAMARUDDIN¹

Abstrak

Qiraat Mutawatirah merupakan qiraat (bacaan) yang disepakati ulama qiraat sebagai qiraat yang sahih (tepat) dan dikira sebagai bacaan al-Qur'an. Membaca al-Qur'an dengan menggunakan Qiraat Mutawatirah adalah ibadah dan mendapat pahala. Bagi memastikan sesuatu qiraat itu merupakan Qiraat Mutawatirah, ulama telah meletakkan syarat-syarat tertentu agar qiraat-qiraat yang sahih ini tidak bercampur dengan qiraat yang meragukan dan yang direka-reka. Kajian ini mendapati syarat-syarat tersebut boleh digunakan dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan masa kini bagi memastikan sesuatu penyelidikan itu memperoleh data yang tepat. Oleh yang demikian, kertas kerja ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti syarat-syarat Qiraat Mutawatirah. Kedua, menganalisis syarat-syarat tersebut untuk diaplikasikan dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam. Persoalannya, apakah syarat-syarat Qiraat Mutawatirah? Adakah syarat-syarat itu sesuai diaplikasikan dalam konteks penyelidikan masa kini?. Kaedah kepustakaan dan analisis kandungan digunakan bagi menjawab kedua-dua persoalan tersebut. Sebagai rumusan, didapati unsur-unsur yang terdapat dalam syarat-syarat tersebut seperti sanad yang mutawatir, bilangan perawi, dan ciri-ciri perawi boleh digunakan dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam.

Kata Kunci: qiraat, mutawatir, kaedah, kesahan data, penyelidikan berkaitan Islam.

Abstract

Qiraat mutawatirah is a qiraat (the style of reading) agreed by ulama (scholars) qiraat as sahih (valid) and is considered as a correct of reading al-Qur'an. Reading al-Qur'an by using qiraat mutawatirah is an ibadah (worship) and it will be rewarded. To ensure any qiraats is qiraat mutawatirah, scholars placed specific requirements to differentiates between valid qiraats with

¹ Pusat Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

NUR SAKIINAH AB AZIZ, Pusat Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: sakiinah@unisza.edu.my

the questionable and made up qiraats. Scholars founds that the requirements stated can also be used to validate modern research in authenticate obtained data. This research focusing on two main objectives which are to identify the requirements for qiraat mutawatirah and to analyze the requirements to be used for validation in authenticating research data related to Islamic-based research methodology. What are the requirements for qiraat mutawatirah? Can the requirements still be used in the modern research context? To answer these questions, qualitative research method and content analyzing was used in this research. In conclusions, there are elements existed in the requirements such as sanad mutawatir, the number of narrator and the characteristic of the narrator can be used in validation of the research data and research about Islam.

Keywords: qiraat, mutawatir, validity, Islamic research methodology.

Cite This Article:

Nur Sakiinah Ab Aziz, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil, A'Tarhim Mohd Razali, Hussein Ali Abdullah al-Thulaia & Kasimah Kamaruddin. (2020). Aplikasi syarat-syarat qiraat mutawatirah sebagai kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(3), 42-51.

PENGENALAN

Ilmu Qiraat merupakan salah satu ilmu tradisional Islam yang penting di samping ilmu-ilmu tradisional Islam yang lain seperti Ilmu Tauhid, Ilmu Hadis, Ilmu Faraid, serta Ilmu Fikah. Manakala sumber Ilmu Qiraat adalah daripada wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Muhammad al-Habsy, 1996:26). Oleh yang demikian, mengetahui qiraat-qiraat yang mutawatir serta syarat-syaratnya merupakan perkara yang penting bagi menjaga kemutawatiran qiraat-qiraat ini.

Terdapat enam jenis qiraat yang diklasifikasikan oleh para ulama. Jenis-jenis tersebut ialah Qiraat *al-Mutawatirah*, Qiraat *al-Masyhurah*, Qiraat *al-Ahadiah*, Qiraat *al-Syadhdhah*, Qiraat *al-Maudu'ah*, dan Qiraat *Mudrajah* (Manna' al-Qattan, 1998:159-60, al-Suyutiyy, t.t:77, Muhammad 'Ali al-Sabuniyy, 1985:232). Dalam keenam-enam jenis qiraat ini, hanya Qiraat *Mutawatirah* dan Qiraat *Masyhurah* sahaja yang dikira sebagai bacaan al-Qur'an. Manakala empat jenis qiraat yang terakhir merupakan jenis qiraat yang tidak diiktiraf kesahihannya kerana wujud kekurangan sama ada dari sudut sanad atau tidak menepati syarat-syarat qiraat yang sahih (Manna' al-Qattan, 1998:159-60).

Kertas kerja ini memfokuskan jenis qiraat yang pertama iaitu Qiraat *Mutawatirah*. Hal ini kerana Qiraat *Mutawatirah* merupakan qiraat yang paling sahih antara keenam-enam jenis qiraat dan merupakan qiraat yang disepakati ulama kewujudannya seiring dengan penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW (Manna' al-Qattan, 1998:159-60). Qiraat *Mutawatirah* bermaksud qiraat atau bacaan yang dibawa oleh sekumpulan perawi, dan qiraat tersebut diambil daripada sekumpulan perawi yang lain dengan syarat kumpulan-kumpulan tersebut mustahil boleh berpakaat dalam melakukan penipuan. Proses periwayatan ini berlangsung sehingga riwayat tersebut sampai kepada pengakhirannya iaitu kepada Rasulullah SAW (al-Suyutiyy, t.t:79).

Selain itu, definisi mutawatir dalam Ilmu Qiraat pula ialah sesuatu *qiraat* itu diriwayatkan oleh orang (perawi) yang adil dan *dabit* (kuat ingatan) yang mengambil qiraat

tersebut daripada orang yang mempunyai sifat-sifat seumpama perawi tersebut (Ibn Jazariy, 2014:54). Keadaan ini berlaku secara berterusan sehingga berakhir periwayatan tersebut kepada perawi pertama yang mengambil periwayatan itu. Orang (perawi) yang adil atau ‘*adalah* menurut ulama Ilmu Hadis ialah seseorang perawi itu mestilah Muslim, waras, matang, dihormati, berpengetahuan, bermaruah, dan mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang melanggar suruhan agama. Seorang perawi juga tidak boleh terlibat dalam mana-mana perbuatan *kufir*, *syirik*, *bid’ah*, *fasiq* dan yang seumpama dengannya. Perawi itu juga jarang melakukan dosa-dosa kecil yang tidak memberi kesan kepada ‘*adalahnya* (Rafiq Ahmed, 2000:72). Manakala pengertian *dabit* pula ialah perawi yang diketahui oleh para ulama qiraat merupakan orang yang kurang melakukan kesalahan dalam meriwayatkan sesuatu qiraat ataupun sangat jarang melakukan kesalahan dalam periwayatan (Ibn Jazariy, 2014:54).

Penelitian yang dilakukan terhadap definisi Qiraat *Mutawatirah* serta mutawatir ini didapati dapat ditemui beberapa ciri bagi Qiraat *Mutawatirah*. Oleh yang demikian, kedua-dua definisi ini perlu dikenal pasti dan dianalisis untuk mengetahui kesesuaianya dalam kaedah penyelidikan sekarang terutama dalam kaedah penentu kesahan data. Selain daripada definisi, syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah* juga perlu dikenal pasti. Maka dari sini timbul persoalan tentang apakah syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah* dan adakah syarat-syarat ini sesuai digunakan dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan.

Kedua-dua persoalan ini diringkaskan dalam dua objektif utama kertas kerja iaitu mengenal pasti syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah* dan menganalisis syarat-syarat tersebut untuk diaplikasikan dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam. Sehubungan itu, kertas kerja yang menjalankan kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan bagi mencapai objektif-objektif tersebut.


Umumnya, hasil penganalisisan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, menjelaskan syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah* melalui sejarah; kedua, mengeluarkan konsep mutawatir daripada syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah*; ketiga, menjelaskan kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam; dan keempat, kesimpulan.

SYARAT-SYARAT QIRAAT MUTAWATIRAH

Ilmu Qiraat merupakan antara ilmu yang paling lama dalam sejarah Islam iaitu bermula pada zaman Rasulullah SAW seiring dengan penurunan wahuwah kepada Baginda SAW. Ilmu Qiraat ini semakin lama semakin berkembang berikutan perkembangan Islam hingga ke luar tanah Arab (al-Zarqaniy, 2001:312-313; Fadl Hasan ‘Abbas, 2007:124, Musa Ibrahim al-Ibrahim, 1996:52). Walau bagaimanapun, setelah beberapa berlalu beberapa tahun, dan sudah ramai yang mengambil qiraat ini daripada para sahabat r.a maka berlakulah khilaf serta perselisihan kalangan mereka. Oleh yang demikian, Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a telah mengarahkan agar dikumpul al-Qur'an dalam satu mashaf dan al-Qur'an yang berada pada para sahabat r.a selain yang dikumpul diarahkan dibakar ('Abd al-Rahman bin Muhammad bin Zanjalah, 2001:9-11).

Oleh yang demikian, ulama qiraat yang menyedari situasi ini telah mula meneliti dan menyaring kembali setiap qiraat yang diperoleh. Menurut ulama qiraat, orang yang pertama mengkaji dan membuat syarat bagi menentukan qiraat yang *mutawatirah* ialah Imam Ibn

Mujahid (Fathiy al-'Abidiy, 2006:151 & 2009:31). Beliau mengkaji dengan melihat beberapa kriteria dan ciri yang perlu dipenuhi oleh seorang qari (perawi) serta perkara yang perlu dipenuhi oleh sesuatu qiraat itu. Setelah kajian dilakukan, beberapa syarat telah ditentukan. Syarat-syarat tersebut ialah sesuatu qiraat itu hendaklah menepati salah satu *Rasm 'Uthmaniyy* walaupun secara andaian, menepati salah satu tatabahasa Arab walaupun dengan satu bentuk sahaja, dan sanad qiraat tersebut hendaklah mutawatir (Muhammad al-Habsy, 1996:30; al-Salim Muhammad Ahmad al-Syanqitiy, 2000:86). Bagi menjelaskan lagi syarat-syarat tersebut, rujuk Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Syarat-Syarat Qiraat Mutawatirah

Berdasarkan tiga syarat qiraat *mutawatirah* ini, didapati bagi mendapatkan sesuatu qiraat yang sah itu perlu melepassi kesemua tiga saringan tersebut. Jika salah satu daripada syarat tersebut tidak dipenuhi, sesuatu qiraat tersebut tidak dikira sebagai qiraat *mutawatirah*. Qiraat tersebut akan tergolong dalam salah satu daripada lima jenis qiraat yang lain.

ANALISIS SYARAT-SYARAT QIRAAT MUTAWATIRAH DAN KONSEP MUTAWATIR

Penelitian terhadap tiga syarat qiraat *mutawatirah* ini perlu dilakukan bagi menghasilkan satu konsep yang sesuai dalam kaedah penyelidikan masa kini. Syarat pertama, qiraat tersebut perlu menepati tatabahasa Arab walaupun dengan satu *wajh* (bentuk) sama ada disepakati *wajh* tersebut atau terdapat khilaf yang tidak menjelaskan maknanya. Para ulama qiraat tidak melihat kepada tatabahasa yang paling digunakan dalam kalangan Arab, tetapi melihat kepada *wajh* yang paling banyak terdapat dalam periyawatan dan pengumpulan tata bahasa tersebut (al-Zarqaniy, 2001:499). Hal ini kerana Ilmu Qiraat ini merupakan sunah yang diikuti, yang bersandarkan kepada sanad dan bukan kepada pendapat atau logik akal semata-mata (Manna' al-Qattan, 1998:158).

Syarat kedua pula ialah qiraat tersebut hendaklah menepati salah satu *Rasm 'Uthmaniyy* walaupun secara andaian (Apa yang dimaksudkan dengan andaian ialah seperti bacaan “maliki yawmi al-din” dalam Surah al-Fatiyah, lafaz ‘maliki’ ditulis dalam semua mashaf al-Qur'an

dengan dibuang alif. maka jika dibaca ‘maliki’ iaitu tidak panjang adalah menepati rasm, manakala jika membaca dengan ‘maliki’ iaitu panjang dua harakat maka ia menepati andaian (Manna’ al-Qattan, 1998:158). Apa yang dimaksudkan dengan menepati salah satu *Rasm ‘Uthmaniyy* ialah qiraat tersebut hendaklah menepati salah satu qiraat yang terdapat pada salah satu mashaf *Rasm ‘Uthmaniyy*. Perkara ini disyaratkan kerana ketika para sahabat menulis mashaf *Rasm ‘Uthmaniyy*, mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam menepati bahasa qiraat yang mereka tahu (Fadl Hasan ‘Abbas, 2007:257).


Syarat yang ketiga pula ialah qiraat tersebut hendaklah mempunyai sanad yang mutawatir. Hal ini kerana qiraat merupakan sunah yang diikuti yang bersandarkan kepada kekuatan perpindahan yang selamat (*salamah al-naql*) dan riwayat yang sahih (Manna’ al-Qattan, 1998:158).

Sanad mutawatir bermaksud seorang perawi yang meriwayatkan sesuatu qiraat itu hendaklah seorang yang adil, *dabit*, perawi tersebut meriwayatkan qiraat tersebut daripada seorang perawi yang mempunyai ciri-ciri seumpamanya sehinggalah qiraat tersebut sampai kepada perawi yang pertama. Di samping itu, qiraat tersebut hendaklah masyhur dalam kalangan ulama qiraat, tidak banyak kesilapan padanya serta qiraat tersebut bukanlah sesuatu qiraat yang asing pada ulama qiraat (al-Suyutiy, t.t:78). Mutawatir atau *al-tawatur* secara lebih khusus pula bermaksud sekumpulan perawi daripada satu generasi yang mustahil bagi mereka melakukan pendustaan telah meriwayatkan sesuatu qiraat daripada sekumpulan perawi daripada generasi sebelumnya, dan proses ini berjalan sehinggalah sampai kepada sanad yang pertama iaitu kepada Rasulullah SAW (‘Abd al-Fattah Isma’il Syalabiyy, 1999:19) melalui kaedah *al-Sama’* dan *al-Musyafahah*_(Fathiy al-’Abidiy, 2006:154; Sukhairu Sulaiman, 2013:76).

Selain itu, jika dilihat kepada definisi mutawatir itu sendiri, kepentingan bilangan dalam membentuk mutawatir itu juga penting. Jika bilangan sesuatu kumpulan yang menyampaikan sesuatu berita itu tidak mencukupi bagi menghasilkan satu maklumat yang sahih, maka maklumat tersebut tidak dikira mutawatir.

Dalam mengkaji kaedah penentu kesahan data melalui syarat-syarat qiraat *mutawatirah* ini, tumpuan hanya dilakukan kepada sanad mutawatir. Hal ini kerana sanad mutawatir ini didapati boleh dijadikan salah satu kaedah dalam penyelidikan akademik masa kini. Manakala dua syarat qiraat *mutawatirah* yang berbaki tersebut, tidak ditemui titik persamaan dalam kaedah penyelidikan. Oleh yang demikian, dua syarat qiraat *mutawatirah* tersebut dikategorikan sebagai syarat yang khusus dalam Ilmu Qiraat sahaja. Oleh itu, dua syarat tersebut tidak dibincangkan dalam kajian ini dan tumpuan diberikan kepada syarat sanad mutawatir sahaja.

Ketika meneliti kandungan definisi qiraat *mutawatirah* dan syaratnya iaitu sanad mutawatir ini, kajian ini berpandangan bahawa satu konsep boleh dibentuk bagi mewujudkan satu teras dalam kaedah penyelidikan berkaitan Islam. Konsep tersebut dinamakan sebagai konsep mutawatir berpandukan kepada kepentingan mutawatir dalam penentuan kesahihan sesuatu qiraat dalam Ilmu Qiraat. Konsep mutawatir ini boleh dijelaskan lagi dalam Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Pembentukan Konsep Mutawatir

Menerusi Rajah 2 ini, konsep mutawatir boleh dibina berdasarkan definisi dan syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah*. Penelitian terhadap kedua-dua perkara ini perlu dilakukan kerana pembinaan konsep mutawatir ini perlu kepada kajian mendalam dan penyaringan dalam setiap makna sama ada yang tersurat atau yang tersirat. Berpandukan definisi dan syarat-syarat ini, kajian ini boleh meneliti kesesuaianya bagi diaplikasi dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam nanti. Penerangan yang lebih terperinci dimuatkan dalam sub-topik berikutnya.

PEMBINAAN KAEDAH PENENTU KESAHAN DATA PENYELIDIKAN BERKAITAN ISLAM BERDASARKAN SYARAT-SYARAT QIRAAAT MUTAWATIRAH

Sebelum dijelaskan tentang kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam, perlu dinyatakan secara ringkas tentang kaedah penentu kesahan data penyelidikan lazim. Kaedah penyelidikan lazim yang dimaksudkan di sini ialah kaedah penyelidikan yang diguna pakai sekarang oleh hampir semua penyelidik dalam bidang akademik. Kaedah tersebut tercetus daripada pemikiran Barat dan dibina berdasarkan sudut pandang (*worldview*) serta tasawur Barat sahaja (Muhammad Syukri Salleh, 2010:135-136)

Terdapat pelbagai bahagian dalam kaedah penyelidikan. Antara bahagian tersebut adalah seperti kajian kualitatif, kajian lapangan, kajian kepustakaan, kaedah pengumpulan data, kaedah kesahan data, dan pelbagai lagi bahagian dalam kaedah penyelidikan akademik ini. Manakala tumpuan kertas kerja ini adalah terhadap kaedah kesahan data serta cara-cara untuk menentukan kesahan sesuatu data itu. Kaedah kesahan data dalam penyelidikan lazim merupakan salah satu aspek penting bagi memastikan sesuatu data itu sah (*valid*) dan kajian itu

diterima pakai. Oleh yang demikian, terdapat beberapa kaedah dalam penyelidikan lazim bagi menentukan kesahan sesuatu data.

Menurut kaedah penyelidikan lazim, bagi mengesahkan sesuatu data penyelidikan, pengkaji perlu memeriksa secara berhati-hati tentang maklumat yang diperoleh untuk menghasilkan suatu kesimpulan yang disandarkan bukti-bukti kukuh. Para pengkaji perlu mengumpul sejumlah besar data, menerangkan data dan dokumen tentang bagaimana mereka mengumpul dan memeriksanya. Selain itu, para pengkaji juga perlu mengenal pasti pelbagai proses, punca, harta, atau mekanisme dalam bukti atau data yang dikumpul. Seterusnya mereka perlu mencari pola persamaan dan perbezaan, aspek yang sama dan yang tidak sama. Mereka juga perlu mengatur pelbagai penerangan, perbincangan, dan keterangan, menilai merit saingen, mencari yang lebih tulen, sah, benar, atau layak di antara mereka untuk menguji sama ada kajian tersebut dijalankan secara adil dan saksama atau tidak (Neuman, 2007: 328; Howard Wainer & Henry I. Braun, 1988:xvii, Rozmi Ismail, 2015:84).

Bagi mengukur dan menentukan sesuatu kesahan data, ada beberapa jenis kaedah yang digunakan dalam kaedah penyelidikan lazim. Kaedah-kaedah tersebut ialah kesahan konstruk, kesahan kriteria, kesahan praktikal, kesahan isi kandungan, kesahan dalaman, kesahan luaran, kesahan ekologi, kesahan statistik, kesahan permukaan dan kesahan serentak (Howard Wainer & Henry I. Braun, 1988:51-56; Susan C. Weller & A. Kimball Romney, 1990:79-82; Rozmi Ismail, 2015:85-88; Neuman, 2007:118-119). Selain itu, antara kaedah kesahan data lagi adalah seperti kesahan kumulatif, kesahan komunikatif, kesahan hujah, triangulasi, dan kesahan responden (Mohammed Ali Bapir, 2010:10)

Meskipun kesahan-kesahan data sudah terdapat dalam kaedah penyelidikan lazim, namun dalam Islam juga terdapat kaedah-kaedah tertentu bagi menentukan kesahan sesuatu maklumat dan data. Lebih istimewa lagi ialah kaedah penyelidikan berkaitan Islam ini dibina berdasarkan teras utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunah. Kedua-dua teras ini merupakan asas yang paling utama dalam pembentukan ilmu-ilmu dalam Islam seperti Ilmu Hadith, Ilmu Usul Fikah, dan juga Ilmu Qiraat.

Berpandukan konsep mutawatir dalam Ilmu Qiraat, unsur-unsur yang dikeluarkan daripadanya didapati mampu membentuk suatu kaedah penentu kesahan data yang kuat dan diyakini. Penumpuan dilakukan kepada empat perkara utama dalam konsep tersebut iaitu sanad mutawatir, bilangan perawi, ciri-ciri perawi, dan kaedah *talaqqiy musyafahah*. Bagi menjelaskan lagi unsur-unsur tersebut, sedikit perincian dilakukan.

Pertama, sanad mutawatir. Sanad yang mutawatir merupakan sanad yang sentiasa bersambung sehingga sampai kepada perawi yang pertama. Sanad yang bersambung dalam setiap *tabaqat* (peringkat atau generasi) sangat penting dalam menentukan kesahihan sesuatu qiraat. Jika sekiranya dalam salah satu *tabaqat* itu ada terputus sanad dengan sebab-sebab yang tertentu, maka qiraat tersebut tidak boleh dihukum sebagai qiraat *mutawatirah*. Unsur pertama ini jika diaplikasi dalam konteks kesahan data penyelidikan, bagi mendapatkan sesuatu data yang sah, seseorang pengkaji itu perlu mengetahui daripada mana dan siapa yang pengkaji dapatkan data tersebut. Jika pengkaji tersebut dapat menjelaki data itu hingga mendapat sumber yang pertama, maka sudah pasti data yang diperoleh itu merupakan data yang kuat dan tidak dapat disanggah lagi.

Kedua, bilangan perawi. Bagi menjadikan sesuatu sanad itu mutawatir, bilangan perawi pada setiap *tabaqat* atau generasi itu hendaklah mencukupi hingga tidak mampu dituduh

bersepakat untuk berbohong terhadap sesuatu maklumat. Walau bagaimanapun, tiada ketentuan yang tetap dalam menentukan bilangan perawi bagi menghasilkan sanad yang mutawatir.

Perkara ini diperbincangkan oleh Imam Ghazali (1980: 239-242) yang menyatakan bahawa ulama bersepakat perlu kepada bilangan bagi menentukan kemutawatiran sesuatu sanad. Namun begitu, mereka khilaf dalam menentukan sekurang-kurang bilangan yang menghasilkan *tawatur* (mutawatir). Ada yang berpendapat sekurang-kurang bilangan yang menghasilkan *tawatur* ialah lima (5) orang, sebahagian lagi berpendapat bilangannya ialah dua puluh (20) orang, empat puluh (40) orang, tujuh puluh (70) orang, malah ada yang menyatakan bahawa sekurang-kurang bilangan *tawatur* ialah tiga ratus tiga belas (313) orang berdasarkan bilangan tentera Islam pada Peperangan Badar.

Dalam kaedah penentuan kesahan data pula, bilangan responden yang ramai merupakan salah satu kayu ukur dalam mengesahkan sesuatu data. Oleh yang demikian, ini merupakan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bidang. Namun, perbezaan yang jelas adalah konsep mutawatir tidak hanya melihat kepada bilangan semata-mata, tetapi ciri-ciri perawi yang terdapat dalam bilangan tersebut juga diambil kira.

Ketiga, ciri-ciri perawi. seorang perawi itu hendaklah terkenal dengan sifat *dabit*, amanah, belajar Ilmu Qiraat dalam tempoh yang lama, serta ulama bersepakat mengharuskan orang ramai belajar dengan perawi tersebut dan *bertalaqqiy* daripadanya (Muhammad ‘Ali al-Sabuniy, 1985:234). Selain ciri-ciri di atas, seseorang perawi juga hendaklah adil, berakal, dan Islam (Ibn Jazariy, 2014:54; al-Suyutiy, t.t:78; Subhi Salih, 1993:121). Dalam menentukan kesahan data penyelidikan, ciri-ciri penyelidik dan juga responden sebaik-baiknya perlu diambil kira. Jika sekiranya seseorang penyelidik dan responden itu mempunyai akhlak yang baik, maka maklumat yang dicari serta diperoleh itu pasti merupakan maklumat yang benar. Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci dalam ciri-ciri seorang perawi dalam Ilmu Qiraat. Oleh yang demikian, pengaplikasian ciri-ciri perawi ke dalam kaedah penyelidikan ini merupakan satu langkah yang bagus dalam menjaga kredibiliti dan integriti seseorang penyelidik dan responden malah terhadap sesuatu data itu.

Keempat, kaedah *talaqqiy musyafahah* (musyafahah bermaksud seseorang pelajar itu berhadapan terus dengan guru dengan memperhatikan bentuk mulut, lidah dan bibir guru ketika melafazkan ayat-ayat al-Qur'an (Ismail Masyhuri al-Hafiz, t.th.:31). Dalam Ilmu Qiraat, bagi memastikan sesuatu qiraat itu sahih perlu kepada kajian tentang periwayatan qiraat tersebut. Hal ini dilakukan bagi mengetahui adakah perawi itu mengambil qiraat itu dengan cara mendengar dan membaca secara langsung di hadapan gurunya atau tidak. Pengambilan riwayat qiraat secara *musyafahah* merupakan syarat penting dalam Ilmu Qiraat kerana semua qiraat tidak dihukumkan melainkan dengan cara *al-sama'* dan *al-musyafahah* (Ibn Jazariy, t.t:49). Malah, periwayatan al-Qur'an dan qiraat merupakan tunjang dalam ilmu ini kerana mashaf pada kurun-kurun pertama Hijrah adalah tidak bertitik dan berbaris serta berpandukan kepada pendengaran semata-mata (al-Zarqaniy, 2001:490). Apabila telah dipastikan perawi tersebut memang membaca di hadapan gurunya dan mendengar secara langsung, maka qiraat tersebut dikira sahih dan boleh diangkat sebagai salah satu bacaan al-Qur'an. Selain itu, ada juga ulama yang menggunakan istilah *al-sama'* (bermaksud berguru secara langsung dengan guru dan mendengar serta mengikuti bacaan guru. *Al-sama'* juga bererti sesuatu ilmu itu dibacakan oleh guru di hadapan pelajarnya (Muhammad Mustafa Azami, 1977:16) dan *al-musyafahah*, walau bagaimanapun istilah-istilah ini membawa kepada makna yang sama sahaja.

Kaedah *talaqqiy musyafahah* ini merupakan kaedah yang sesuai digunakan ketika seseorang penyelidik itu sedang dalam proses pengumpulan data penyelidikan. Dalam kaedah penyelidikan lazim, data yang diambil daripada sumber primer merupakan data yang kuat. Oleh yang demikian, kaedah *talaqqiy musyafahah* ini mewajibkan penyelidik mencari sumber primer tersebut. Jika kaedah ini digunakan, seseorang penyelidik itu sudah pasti mendapat data yang kuat kerana diambil daripada punca data tersebut.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, didapati bahawa kaedah penyelidikan dalam Islam telah wujud dalam pelbagai ilmu-ilmu tradisional Islam termasuklah Ilmu Qiraat. Secara lebih khusus lagi, penelitian terhadap syarat-syarat Qiraat *Mutawatirah* didapati bahawa terdapat satu konsep yang boleh diaplikasi dalam kaedah penentu kesahan data penyelidikan berkaitan Islam iaitu konsep mutawatir. Berdasarkan unsur-unsur yang terdapat dalam konsep ini, satu kaedah penentu kesahan data berkaitan Islam yang lebih kuat dan diyakini ketulenannya boleh dibina.

RUJUKAN

- Abbas, Fadl Hasan. (2007). *Muhadarat fi Ulum al-Qur'an*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Ahmad, Rafiq. (2000). *Introduction to al-Hadith*. India: Adam Publishers & Distributors.
- al-'Abidi, Fathi. (2006). *Al-Jam' bi al-Qiraat al-Mutawatirah*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- al-'Abidi, Fathi. (2009). *Kulliyyaat al-Tajwid wa al-Qiraat (Jam' wa Siyanah wa Syarh)*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Azami, Muhammad Mustafa. (1977). *Studies in Hadith Methodology and Literature*. Indiana: American Trust Publications.
- Bapir, Mohammed Ali. (2010). *Is it possible for qualitative research to be properly valid and reliable*. The University of Warwick.
- Braun, H. W. H. I. (1988). *Test Validity*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. (1980). *Al-Mankhul Min Ta'lifat al-Usul*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Habsi, Muhammad. (1996). *Al-Qiraat al-Mutawatirah Wa Atharuha Fi Al-Lughah al-'Arabiyyah Wa al-Ahkam al-Syar'iyyah Wa al-Rasm al-Qurani*. (Phd), Universit al-Quran al-Karim Wa al-'Ulum al-Islamiyyah, Sudan.
- Ibn al-Jazari. (2014). *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Safa.
- Ibn al-Jazari. (t.th.). *Munjid al-Muqri'in wa Mursyid al-Talibin*. Bayrut: Dar Kutub 'Ilmiyyah al-Ibrahim, Musa Ibrahim. (1996). *Buhuth Manhajiyyah fi 'Ulum al-Qur'an al-Karim*. Amman: Dar 'Ammar.
- Ismail Masyhuri al-Hafiz. (t.th.). *Ilmu Qiraatul Qur'an*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.
- Lawrence, N. W. (2007). *The basics of Social Research. Qualitative and Quantitative Approaches*. Pearson Education.
- Muhammad Syukri Salleh. (2010). Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju. Paper presented at the *Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*, Universiti Sains Malaysia.

- al-Qattan, Manna'. (1998). *Mabahith fu Ulum al-Qur'an*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Romney, S. C. W. A. K. (1990). *Systematic Data Collection*. Newbury Park, California: SAGE Publications, Inc.
- Rozmi Ismail. (2015). *Metodologi Penyelidikan; Teori dan Praktis*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1985). *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut, Lubnan: Alam al-Kutub.
- Shalabi, 'Abd 'al-Fattah Isma'il. (1999). *al-Madkhal wa al-Tamhidi fi 'Ilm al-Qur'an wa al-Tajwid*. Kaherah, Mesir: Maktabah Wahbah.
- al-Shanqiti, al-Salim Muhammad Mahmud Ahmad. (2000). Manjah Ibn al-Jazari fi Kitabihi "al-Nasyr". (Ph.D), Imam Muhammad Ibn Saud al-Islamiyyah Universiti, Riyad.
- Subhi Salih. (1993). *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukhairu Sulaiman. (2013). Al-Qiraat Al-Mutawatoirah dan Kesannya Terhadapa Pentafsiran Al-Quran: Kajian terhadap kitab Marah Labid Li Kashf Ma'na Al-Quran Al-Majid karangan Nawawi Al-Bantani Tumpuan Terhadap Surah al-Baqarah. ((Unpublished Ph.D's Thesis)), Universiti Malaya.
- al-Suyuti, Jalaluddin. (t.t). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Zanjalah, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. (2001). *Hujjat al-Qira'at*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-Azim. (2001). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. t.tp.: Dar Qutaybah.